

ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU, BILANGAN 1/1968.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.

Masalah Berbangkit Atas Pengambilan Balik Tanah (Land Acquisition Act 1960).

Bagalman tuan-tuan sendiri sedia maklum iaitu pada Mesyuarat Bagi Pembangunan Luar Bandar Negeri pada 24hb. Mac, 1968 yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar ada menyatakan tidak puashatinya terhadap perjalanan Pemungut Hasil Tanah di atas langkah pengambilan balik tanah untuk projek-projek persekutuan seperti sekolah-sekolah dan lain-lain lagi.

2. Kita patutlah memandang berat atas teguran ini. Oleh itu saya berharap tuan-tuan hendaklah mengambil perhatian dan tindakan yang agak segera bagi menyasat mana-mana bidang tanah yang telah diambil balik yang belum lagi dikosongkan oleh tuan-tuan tanah dengan memindahkan rumah-rumah mereka ke lain tempat. Tidak syak lagi bahawa mereka itu telah dibayar harga pemindahan rumah.

3. Saya berharap juga dimasa hadapan tindakan segera hendaklah diambil supaya semua rumah-rumah yang ada di atas tanah yang diambil balik itu dipindahkan keluar dengan masa yang sehabis-habis singkat.

4. Bagi Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu, beliau hendaklah mengambil perhatian istimewa di atas besar bilangan rumah yang masih ada di atas tanah kawasan Istana Maziah sungguh pun kerja mengambil balik tanah dan pembayaran telah lama selesai.

5. Saya percaya dengan kerjasama dan bijaksana tuan-tuan bagi menjalankan langkah-langkah yang dimaksudkan maka mungkin dapat kita menjauhkan sebarang kesalan atas teguran terhadap tuan-tuan dan nama baik Pejabat Tanah.

t.t.
 (DATO' MOHAMAD BIN IBRAHIM)
 Pesuruhjaya Tanah dan Galian
 Terengganu.

Bil. C.L.M.TR. 133/60/ - (65)

s.k.
 Y.B. Setiausaha Kerajaan, Terengganu.
 Pegawai Kemajuan Negeri, Terengganu.

Fail P.T.&G.Tr. (Sullit) 10/64.

Kuala Terengganu, 25hb. Mach, 1968.